



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 30 MEI 2019**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	SASAR 27,000 PENGUNJUNG MBB PRA-AIDILFITRI, DALAM NEGERI, UM -11	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2.	3 FOKUS UTAMA, SETEMPAT, HM -26	PADIBERAS NASIONAL BHD (BERNAS)
3.	LIMA ANAK SYARIKAT RUGI, NASIONAL, SH -18	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
4.	5 ANAK SYARIKAT SYARIKAT NAFAS HENTI SEMENTARA OPERASI, ISU, BH -8	
5.	DON'T HURT BEE, SIN CHEW PLUS, SIN CHEW DAILY -3	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/5/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	11

## Sasar 27,000 pengunjung MBB Pra-Aidilfitri

**PUTRAJAYA 29 Mei** - Seramai 27,000 pengunjung dijangka mengunjungi Program My Best Buy (MBB) Pra-Aidilfitri bermula serentak hari ini di sebanyak 18 lokasi seluruh negara.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd. Sallehuddin Hassan berkata, program yang akan berlangsung selama tujuh hari itu diadakan bagi membantu rakyat membuat persiapan menjelang Aidilfitri tidak lama lagi.

"Rata-rata peniaga yang me-

nyertai program ini menawarkan potongan harga antara lima hingga 20 peratus lebih rendah berbanding nilai pasaran.

"Kita menyasarkan nilai keseluruhan jualan bernilai RM540,000 sepanjang program ini berlangsung dengan penjimatan yang diperolehi pengunjung sebanyak RM70,200 apabila berbelanja di MBB Pra-Aidilfitri," katanya ketika ditemui selepas merasmikan program berkenaan di Wisma Tani, di sini hari ini.

Suraya Roslan

surayaroslan@metro.com.my

**Kuala Lumpur**

Laporan dijalankan Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) menjangkakan keseluruhan rantaian industri padi negara membabitkan tiga fokus utama iaitu pesawah, keselamatan makanan negara dan keperluan serta kepentingan pengguna perlu diperkukuhkan.

Dalam laporan itu juga, kajian mendapati cabaran dihadapi industri padi dan beras merentasi keseluruhan rantaian bekalan dan antara isu dibentangkan dalam penerbitan KRI ini ialah konsep jaminan makanan (*food security*), kepelbagaian padi, memupuk kepercayaan antara pengilang serta petani dan memahami pola pemakanan nasi dalam kalangan rakyat.

"Pelaksanaan sistem rang-

kain industri padi dan beras yang holistik mampu mengekalkan kemampanan industri, sekali gus menjaga tiga tunjang utama rangkaian secara keseluruhan.

"Industri padi dan beras direka untuk mengimbangi objektif ketiga-tiga rangkaian berkenaan dan secara dasarnya ialah memastikan kebajikan serta pendapatan pesawah terjamin, paras keselamatan makanan negara berada pada tahap paling baik dan kestabilan harga beras di pasaran terjaga," menurut laporan berkenaan.

Laporan yang bertajuk Status Industri Padi dan Beras turut menekankan keseluruhan rantaian industri padi domestik mesti terlebih dulu diperkuat jika wujud sebarang langkah untuk meliberalisasikan sektor atau meningkatkan model pengimport tunggal.

Selama lebih dua dekad, Padiberas Nasional Bhd (Bernas) diberi tanggungjawab mengekalkan keselamatan makanan terutama bagi

# 3 fokus utama

## ■ Laporan KRI cadang perkukuh rantaian industri padi



BERNAS laksana Mekanisme Pengawal Sella industri beras negara.

mendapatkan beras pada harga yang stabil dan berpatutan.

Laporan KRI turut melaporkan pada 2008 di mana berlakunya krisis harga makanan dunia dan ketika itu harga beras dunia meningkat hingga 250 peratus daripada AS\$300 kepada AS\$1,000

(RM4,110) per tan, sekali gus memaksa pengguna di kebanyakan negara membayar pada harga tinggi.

"Bagaimanapun di Malaysia, rakyat ketika itu hanya perlu membayar RM2.60 untuk setiap kilogram beras di mana hanya 30 hingga 50 peratus kenaikan harga berbanding sebelum krisis makanan 2008 berlaku.

"Keadaan terkawal dalam menjamin kestabilan harga adalah berikutan mekanisme harga yang dikawal kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani," kata laporan itu.

Menurutnya, sebagai syarikat yang melaksanakan Mekanisme Pengawal Sella tunggal atau *Gatekeeper* tunggal, Bernas mewarisi polisi dan tanggungjawabnya daripada Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN).

Tugasan termasuk untuk menyelenggara dan mengurus stok penimbang negara, membeli padi daripada petani dengan harga minimum dan terjamin serta menyediakan sokongan dan jami-

nan kepada pengilang Bumiputera dan mengawal mutu beras.

Di bawah mekanisme ini juga, Bernas meneruskan usaha memastikan kebajikan pesawah terjaga melalui pengurusan pembayaran subsidi kepada petani di bawah Skim Subsidi Harga Padi.

Memecahkan model pengimport tunggal nampak mudah, namun pelaksanaannya memerlukan pendekatan terperinci.

Kedudukan serta fungsi Bernas sebagai penjaga tin-

dustri padi dan beras terpuan perlu diambil kira, kerana soal jaminan keselamatan bekalan makanan negara turut dipertaruhkan.

Pemerhati industri juga mengingatkan adalah tidak mustahil tragedi kenaikan harga beras pada 2008 akan berulang sekiranya model pengimport tunggal dimansuhkan.

Selain itu, masalah pengimport enggan membawa masuk beras kerana bimbang akan menanggung kerugian juga mungkin berlaku.

**FAKTA**

Babitkan pesawah keselamatan makanan dan keperluan serta kepentingan pengguna

# Kasih

Kasih itu abadi jika kita tahu menghargainya

#SepuluhJari2019

STRAITSTIMES BH Metro



CABARAN dihadapi industri padi dan beras merentasi keseluruhan rantaian bekalan

# Lima anak syarikat rugi

*Nafas henti operasi lima daripada 11 anak syarikatnya buat sementara waktu*

NURUL HIDAYAHAMID

ALOR SETAR

**P**ertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) menghentikan operasi perniagaan lima daripada 11 anak syarikat miliknya yang tidak berdaya maju buat sementara waktu bagi membolehkan kajian semula dilaksanakan untuk menentukan sama ada syarikat itu boleh diteruskan atau sebaliknya.

Pengerusi Nafas, Datuk Ir Phahrolrazi Mohd Zawawi berkata, keputusan itu dibuat pada bulan lalu berikutan lima syarikat tersebut mengalami kerugian berterusan.



Phahrolrazi (kanan) memberi sumbangan wang tunai kepada seorang asnaf pada Majlis Iftar Pertubuhan Peladang, MPKK dan KRT DUN Alor Mengkuudu di Dewan D'Awangan kelmarin.

“Ada syarikat terlibat terlibat dalam perdagangan yang ‘tidak pasti’ dengan sebuah syarikat di India dan usaha sama dalam bidang pendidikan dengan sebuah universiti di Kuala Lumpur yang tidak mendapat sambutan.

“Namun, syarikat berkenaan tidak ditutup, sebaliknya

(DUN) Alor Mengkuudu di Dewan D'Awangan di sini kelmarin.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Alor Mengkuudu yakin anak syarikat Nafas akan dipastikan berdaya saing sekali gus memberi keuntungan yang lebih kukuh di bawah kepimpinan baharu.

Menurutnya, pihaknya perlu memperbaiki dan meletakkan semula Nafas pada landasan yang betul selepas banyak kesilapan dilakukan pimpinan sebelum ini.

“Kita komited untuk memajukan perniagaan sedia ada, misalnya membekalkan ayam kepada kontrak kerajaan, selain membekalkan baja subsidi kepada peladang,” katanya.

Sebelum ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menggantung operasi Nafas berkuat kuasa 1 Jun 2018 berikutan beberapa masalah serius tadbir urus sebelum disambung semula pada Januari 2019.

# 5 anak syarikat NAFAS henti sementara operasi

(FOTO NOORAZURA ABDUL RAHMAN/BH)



Phahrolrazi menyerahkan sumbangan kepada asnaf pada Majlis Iftar Pertubuhan Peladang, MPKK dan KRT DUN Alor Mengkudu di Alor Setar, kelmarin.

**Alor Setar:** Sebanyak lima daripada 11 anak syarikat milik Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) yang tidak berdaya maju terpaksa dihentikan sementara perniagaannya, bagi membolehkan kajian semula dilakukan sama ada ia akan terus beroperasi atau tidak.

Pengerusi NAFAS, Datuk Phahrolrazi Mohd Zawawi, berkata keputusan itu diambil selepas lima anak syarikat milik penuh NAFAS itu tidak berfungsi dan menunjukkan kerugian berterusan.

Katanya, ada antara anak syarikat itu terlibat dengan usaha sama dalam bidang pendidikan dengan sebuah universiti di Kuala Lumpur; tetapi tidak mendapat sambutan, selain ada yang terlibat dalam perdagangan 'tidak pasti' dengan sebuah syarikat di India.

"Kita tidak tutup syarikat ini, hanya dihentikan perniagaan sementara sejak bulan lalu untuk dikaji semula, sama ada nak diteruskan atau dihentikan perniagaannya."

"Antara sebab yang dikenal pasti

ialah ada syarikat ini wujud, tetapi tidak menjalankan apa-apa perniagaan dan ada syarikat tidak mencatat keuntungan serta terus mengalami kerugian," katanya selepas Majlis Iftar Pertubuhan Peladang, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dan Kawasan Itukun Tetangga (KRT) Dewan Undangan Negeri (DUN) Alor Mengkudu, di sini, malam kelmarin.

Pada majlis itu, seramai 130 orang asnaf menerima sumbangan wang tunai, bagi meringankan beban mereka melakukan persiapan menyambut Aidilfitri tidak lama lagi.

## Susun semula pentadbiran

Phahrolrazi yang juga ADUN Alor Mengkudu berkata, tindakan itu terpaksa diambil dalam usaha NAFAS menyusun dan mengurus tadbir semula anak syarikat di bawah kepemimpinan baharu Kerajaan Pakatan Harapan (PH).

Katanya, kepemimpinan baharu itu akan memastikan anak syarikat NAFAS terus berdaya saing, sete-

rusnya memberi keuntungan lebih kukuh.

"Disebabkan NAFAS lebih kepada perniagaan, jadi banyak kesilapan pimpinan NAFAS yang lalu perlu diperbaiki dan letak semula di landasan betul.

"Dalam kepemimpinan baharu ini, kerajaan mengarahkan NAFAS menentukan hala tuju yang memenuhi dasar kerajaan, terutama dalam bidang keselamatan makanan (food security)," katanya.

Phahrolrazi berkata, selain bertindak membekalkan baja subsidi kepada peladang, NAFAS akan terus komited memajukan perniagaan sedia ada, seperti membekalkan ayam kepada kontrak kerajaan dan membekalkan anak pokok kelapa sawit kepada peladang."

Pada 1 Jun lalu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menggantung operasi NAFAS susulan masalah serius tadbir urus terutama aspek kompetensi, bertanggungjawab dan ketelusan dalam barisan kepimpinan.

